



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Hariri Ali Imran, Nasihah Hashim & Maizatul Azura Yahya. (2026). Tinjauan literatur bersistematik: Kajian retorik kesihatan di Malaysia. (2026). *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 5(1), 285-302. <https://doi.org/10.32890/rentas2026.5.1.17>

TINJAUAN LITERATUR BERSISTEMATIK: KAJIAN RETORIK KESIHATAN DI MALAYSIA

(Systematic Literature Review: A Studies Rhetoric of Health in Malaysia)

¹Hariri Ali Imran, Nasihah Hashim & Maizatul Azura Yahya

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹Corresponding author: hariripopyie@gmail.com

Received: 30/01/2026

Revised: 03/03/2026

Accepted: 08/03/2026

Published: 31/7/2026

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan meneliti perkembangan kajian retorik kesihatan di Malaysia melalui pendekatan tinjauan literatur bersistematik. Penelitian ini penting bagi mengenal pasti corak kajian sedia ada yang masih terhad dan belum dihipunkan secara sistematik dalam konteks tempatan. Kajian ini berpanduan protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) dengan memilih artikel yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2024 daripada empat pangkalan data, iaitu Scopus, Google Scholar, MyCite dan ResearchGate. Hasil saringan mendapati sebanyak lima artikel memenuhi kriteria dan seterusnya disintesis secara kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia mengaplikasikan pelbagai kerangka teori, antaranya retorik klasik Aristotle (ethos, pathos, logos), Teori Retorik Moden, Retorik Persuasif, Retorik al-Quran serta Strategi Retorik. Dari segi sumber data, kebanyakan kajian memanfaatkan platform digital yang dihasilkan oleh pihak berautoriti seperti portal rasmi kerajaan dan media sosial. Sementara itu, aspek sumbangan kajian didapati tertumpu kepada usaha mempengaruhi persepsi, emosi dan tindakan masyarakat dalam menangani isu kesihatan, khususnya berkaitan dengan pandemik COVID-19. Secara keseluruhan, tinjauan ini memperlihatkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia masih berada pada tahap penerokaan awal dan memerlukan penelitian yang lebih meluas serta pelbagai dari segi isu, teori dan sumber data. Kajian ini diharap dapat menjadi asas rujukan kepada pengkaji akan datang dalam memperluas bidang retorik kesihatan, khususnya dalam konteks bahasa Melayu dan masyarakat tempatan.

Kata Kunci: Bahasa, komunikasi, retorik, kesihatan, tinjauan literatur bersistematik.

ABSTRACT

This study aims to examine the development of health rhetoric research in Malaysia through a systematic literature review approach. Such an examination is necessary to identify existing research patterns that remain limited and have yet to be systematically synthesised within the local context. This study adopts the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) protocol by selecting articles published between 2020 and 2024 from four databases, namely Scopus, Google Scholar, MyCite, and ResearchGate. The screening process identified a total of five articles that met the inclusion criteria and were subsequently synthesised qualitatively. The findings reveal that health rhetoric studies in Malaysia employ a variety of theoretical frameworks, including Aristotle's classical rhetoric (ethos, pathos, logos), Modern Rhetoric Theory, Persuasive Rhetoric, Quranic Rhetoric, and Rhetorical Strategies. In terms of data sources, most studies utilise digital platforms produced by authoritative institutions, such as official government portals and social media. Meanwhile, the contributions of these studies are largely centred on influencing public perception, emotional responses, and behavioural actions in addressing health-related issues, particularly those associated with the COVID-19 pandemic. Overall, this review demonstrates that health rhetoric research in Malaysia remains at an early stage of exploration and requires broader and more diverse investigations in terms of issues, theoretical applications, and data sources. It is hoped that this study will serve as a foundational reference for future researchers in expanding the scope of health rhetoric studies, particularly within the context of the Malay language and local community.

Keywords: *Language, communication, rhetoric, health, systematic literature review.*

PENGENALAN

Retorik merupakan satu istilah yang sering disalah erti dan lazimnya dikaitkan dengan konotasi negatif dalam kalangan masyarakat. Sejak zaman Yunani lagi, polemik terhadap retorik telah pun wujud, misalnya Plato (428–348 SM) yang menganggap retorik hanya sebagai alat pemujukan tanpa nilai moral. Pandangan ini kemudiannya disangkal oleh Aristotle (1984) yang menegaskan bahawa nilai positif atau negatif retorik bergantung kepada tujuan serta cara penggunaannya oleh penutur (Amida Abdulhamid, 2015). Perdebatan ini berlanjutan sehingga kini dan masih sering diperdebatkan, khususnya dalam konteks retorik politik (Syaza Fuhat dan Juliana Abdul Wahab, 2024). Walau bagaimanapun, isu berkenaan tidak membantutkan perkembangan kajian retorik hingga kini.

Dalam konteks Malaysia, kajian retorik telah berkembang secara meluas merangkumi pelbagai bidang seperti akademik (Azlina Kamaruddin, 2021; Hairul Azhar Mohamad et al., 2022; Hairul Azhar Mohamad et al., 2023; Hairul Azhar Mohamad, 2022; Isai Amutan Krishnan et al., 2021; Mohd Khaidir Abdul Wahab, 2022; Mohd Mahadee Ismail et al., 2021; Mohd Mahadee Ismail et al., 2022; Nuramirah Zaini et al., 2022; Wan Hurani Osman et al., 2021; Zulaikha Khairuddin et al., 2021), media massa (Hariyani Madon et al., 2021; Jamaluddin Aziz & Fuzirah Hashim, 2021; Muhammad Zulhilmi Mohd Nasaruddin et al., 2023; Osman Khairunnisa et al., 2024; Rotjaret Narongrach & Amalia Nurul Muthmainnah, 2024; Sharifah Syazwa Amierah Syed Khalid et al., 2022), politik dan kepimpinan (Alia Izzati Sham Shul Shukri & Nor Ashikin Ab Manan, 2023; Nordiana Hamzah et al., 2023; Renita Nabila Putri et al., 2024; Shahrill Ramli @ Romli et al., 2022; Syaza Fuhat & Juliana Abdul Wahab, 2024), sastra (Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah, 2023; Muhammad Faris Akram Rustu & Azean Idruwani Idrus, 2024; Nordiana Hamzah et al., 2023; Nor Fazzira Mohd Zamri & Zainatul Shuhaida Abdul Rahman, 2022; Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin & Ahmad Wafi Yunus, 2023), serta dakwah (Andy

Makhrian Madya et al., 2024; Waemasna Waeyusuh & Hariri Ali Imran, 2025; Nurul Nadiah Zamri & Zulkefli Aini, 2021). Kepelbagaian bidang ini memperlihatkan bahawa retorik berfungsi sebagai medium penting dalam menyampaikan maklumat secara berkesan serta berupaya menghubungkan ilmu pengetahuan merentas disiplin.

Sehubungan itu, kepentingan retorik turut terserlah dalam bidang kesihatan yang memerlukan penyampaian maklumat secara tepat, jelas dan berkesan kepada masyarakat. Keberkesanan komunikasi kesihatan lazimnya dikaitkan dengan keupayaan individu untuk menterjemahkan pengetahuan kepada tindakan, khususnya dalam mengamalkan gaya hidup sihat. Dalam hal ini, pengetahuan semata-mata tidak mencukupi tanpa disertai tindakan yang wajar (Manimaran Krishnan dan Samsudin A Rahim, 2014). Situasi ini menggambarkan bahawa pengaruh bahasa memainkan peranan signifikan dalam membentuk pemikiran serta tingkah laku individu. Oleh itu, komunikasi yang berkesan dan kefahaman yang tepat terhadap maklumat kesihatan perlu diberi perhatian bagi memastikan masyarakat mampu bertindak secara rasional dan berinformasi (Onn Akbar Ali, 2024). Dalam konteks ini, retorik dilihat sebagai suatu pendekatan yang berupaya meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat kesihatan (Zhang, 2021).

Walaupun kajian retorik kesihatan di Malaysia telah mula mendapat perhatian, khususnya dalam konteks wabak pandemik COVID-19, jumlah kajian yang tertumpu secara khusus dalam bidang ini masih terhad berbanding perkembangan kajian di peringkat antarabangsa. Keadaan ini menunjukkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia masih berada pada tahap penerokaan awal dan belum dihipunkan secara sistematik untuk memberikan gambaran yang menyeluruh. Oleh itu, kajian-kajian lepas berkaitan retorik kesihatan memerlukan satu penilaian yang lebih teratur dan bersistematik bagi mengenal pasti corak perkembangan, kecenderungan penyelidikan serta jurang kajian sedia ada.

Menurut Higgins et al. (2011), tinjauan literatur bersistematik merupakan suatu pendekatan yang sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan mensintesis kajian lepas secara menyeluruh berdasarkan prosedur tertentu. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengorganisasikan dapatan kajian sedia ada, malah turut berperanan dalam mengenal pasti kelompangan kajian yang memerlukan penelitian lanjut. Dalam konteks kajian retorik kesihatan di Malaysia, pendekatan ini dilihat signifikan bagi memetakan perkembangan kajian yang masih terhad dan belum dihipunkan secara sistematik (Adina Abdullah et al., 2020; Mohamad Hafifi Jamri et al., 2017).

Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti kajian-kajian lepas berkaitan retorik kesihatan di Malaysia melalui pendekatan tinjauan literatur bersistematik. Penelitian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut: (i) apakah teori retorik yang digunakan dalam kajian retorik kesihatan di Malaysia, (ii) apakah platform yang dipilih sebagai sumber pemerolehan data, dan (iii) apakah sumbangan kajian retorik kesihatan dalam konteks tempatan. Himpunan kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas terhadap perkembangan bidang retorik kesihatan di Malaysia serta menjadi asas rujukan kepada pengkaji akan datang.

METODOLOGI

Tatacara pengumpulan data atau kajian lepas yang berpandukan kepada tinjauan literatur bersistematik harus mendasari beberapa garis panduan atau protokol bagi memastikan pemilihan data yang lebih tepat dan relevan. Fokus tinjauan bersistematik adalah kepada bukti, akibat dan kesahan yang mendorong kepada semakan reka bentuk kajian, analitik metode dan rangkaian akibat (Lockwood et al., 2015).

Protokol Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) oleh Haddaway et al. (2022) dijadikan sebagai panduan dalam tinjauan literatur bersistematik ini kerana diyakini sesuai digunakan dalam bidang yang melibatkan penilaian dan pencampuran elemen tertentu (Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al., 2020). Protokol *PRISMA* dipilih sebagai garis panduan dalam pengumpulan artikel ini untuk memastikan hasil maklumat daripada kajian lepas berkualiti dan sistematik (Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al., 2020). *PRISMA* mampu mengawal pencarian artikel yang lebih berkualiti melalui kriteria yang terdiri daripada pengenalpastian (*identification*), penerimaan dan penolakan artikel (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan penilaian artikel berkualiti (*included*). Kesemua artikel yang ditemui perlu melepasi penilaian kriteria tersebut untuk memastikan persoalan tinjauan literatur bersistematik ini terjawab. Pendekatan ini turut membantu mengurangkan bias dalam pemilihan artikel serta meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

PENGENALPASTIAN ARTIKEL KAJIAN LEPAS

Tatakaedah pengenalpastian artikel kajian lepas yang relevan dengan tinjauan ini harus dimanfaatkan dengan kata kunci yang pelbagai. Menurut Hayrol Azril Mohamed Shaffril et al. (2020), kata kunci yang sinonim, bervariasi dan berkaitan perlu dipilih secara teliti untuk menghasilkan pencarian artikel yang relevan. Berdasarkan pembentukan persoalan kajian, terdapat enam kata kunci yang digunakan seperti *retorik*, *pemujukan*, *persuasif*, *kesihatan*, *perubatan*, dan *Malaysia* seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Tinjauan ini memfokuskan kepada empat pangkalan data yang lebih terarah kepada sumber kajian dalam bahasa Melayu di Malaysia sahaja iaitu *Scopus*, *Google Scholar*, *MyCite* dan *ResearchGate*. Menurut Durach et al. (2017), tinjauan literatur bersistematik sekurangnya perlu menggunakan dua pangkalan data untuk mengelakkan *retrieval bias*. Pangkalan data *Scopus* dipilih dalam tinjauan ini kerana mempunyai sumber artikel berimpak tinggi yang paling utama dalam pangkalan data. Rentetan carian artikel diteruskan di pangkalan data *Google Scholar*, *MyCite* dan *ResearchGate* untuk menambah hasil carian kajian lepas. Ketiga-tiga pangkalan data tersebut dipilih sebagai pelengkap dalam carian ini kerana mempunyai pangkalan data bahasa Melayu yang begitu meluas. Walaupun kaedah carian artikel yang digunakan dalam kesemua pangkalan data terpilih adalah berbeza, namun masih menggunakan kata kunci yang sama dan berkaitan. Kata kunci yang digunakan dalam carian artikel di pangkalan data *MyCite* dan *ResearchGate* lebih tertumpu pada bahagian abstrak untuk mendapatkan artikel yang relevan. Manakala carian artikel di pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar* pula menggunakan kaedah *search string* bagi mendapatkan artikel yang relevan dengan bidang kajian retorik kesihatan di Malaysia.

Jadual 1

Hasil Carian Tanpa Saringan

Pangkalan data	Kata kunci	Jumlah artikel ditemui
Scopus	TITLE-ABS-KEY (("retorik" OR "retorik kesihatan" OR "retorik perubatan"))	25
Google Scholar	(("retorik" OR "pemujukan" OR "persuasif") AND ("kesihatan" OR "perubatan")) MALAYSIA	845
ResearchGate	Retorik	747
MyCite	@art_abstract (retorik)	71

Pencarian artikel dibuat berpandukan kepada kata kunci yang telah dinyatakan menemui sebanyak (n=25) artikel di pangkalan data *Scopus*, (n=845) di *Google Scholar*, (n=71) di *MyCite* dan (n=747) di *ResearchGate*. Carian ini hanya menggunakan kata kunci dalam bahasa Melayu selaras dengan penerimaan kriteria kajian.

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN ARTIKEL

Hasil carian artikel yang melalui kriteria pengenalpastian masih menjumlahkan bilangan artikel yang belum ditapis kualitinya. Maka, proses seterusnya iaitu penerimaan dan penolakan artikel atau dikenali juga sebagai penapisan artikel dilakukan bagi mendapatkan jumlah artikel yang paling relevan dan menyingkirkan artikel yang tidak berkaitan. Penerimaan dan penolakan artikel mengikut kriteria yang telah ditetapkan telah dipaparkan secara ringkas dalam jadual 2 di bawah.

Kriteria seperti garis masa penerbitan sangat penting untuk memastikan penelitian tinjauan ini bergerak selari dengan arus perkembangan kajian terkini. Kemudian jenis penerbitan pula hanya tertumpu kepada artikel jurnal dan prosiding sahaja. Selain itu, tinjauan ini juga hanya menumpukan kepada skop kajian dalam bahasa Melayu dan kajian di Malaysia sahaja. Disebabkan bidang kajian retorik amat meluas di Malaysia, tinjauan ini hanya memfokuskan kepada bidang kajian retorik kesihatan sahaja. Akhir sekali, tinjauan ini hanya memberi tumpuan kepada artikel yang boleh diakses sahaja.

Kriteria yang dinyatakan dalam jadual 2 penting untuk memastikan artikel yang dipilih adalah relevan dari segi perkaitan, kualiti dan kuantitinya dalam tinjauan ini. Penapisan artikel secara automatik melalui kesemua pangkalan data tersebut melibatkan jenis penerbitan, garis masa dan negara. Tapisan berkenaan menunjukkan jumlah artikel di pangkalan data *Scopus* sebanyak (n=2), *Google Scholar* (n=253), *MyCite* (n=20) dan *ResearchGate* (n=307). Artikel yang tersasar dari kriteria yang telah ditetapkan dalam jadual 2 akan disingkirkan.

Jadual 2

Kriteria Memfokus Penerimaan dan Penolakan Artikel

Kriteria	Penolakan	Penerimaan
Garis masa penerbitan	2019 ke bawah	2020 hingga 2025
Jenis penerbitan	Selain artikel jurnal dan prosiding	Hanya artikel jurnal dan prosiding
Negara	Luar Malaysia	Malaysia
Bidang	Selain kajian retorik kesihatan	Kajian retorik kesihatan
Bahasa	Selain bahasa Melayu	Bahasa Melayu
Akses	Tidak boleh diakses	Boleh diakses

KELAYAKAN DAN PENILAIAN ARTIKEL BERKUALITI

Proses saringan artikel yang relevan dengan tema dan persoalan kajian diteruskan menerusi kaedah secara manual bagi memastikan artikel yang diperoleh mencapai tahap kualiti yang paling memuaskan. Saringan tersebut dibuat bersandarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan seperti dalam jadual 2 iaitu

bidang, bahasa dan akses. Proses saringan artikel di pangkalan data *Scopus* dan *MyCite* dibuat secara menyeluruh dengan meneliti tajuk, abstrak dan kata kunci bagi setiap artikel terpilih. Proses saringan di pangkalan data *Google Scholar* pula dibuat sehingga pada halaman terakhir iaitu 25 dengan kata kunci dan kriteria yang telah ditetapkan. Tinjauan ini mendapati bahawa tidak dijumpai sebarang artikel jurnal atau prosiding berkenaan kajian retorik kesihatan di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu di pangkalan data *Scopus* berdasarkan kata kunci yang digunakan. Hal ini kerana pangkalan data *Scopus* didominasi oleh artikel berbahasa Inggeris (Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff, 2020). Tinjauan terhadap pangkalan data *MyCite* dan *ResearchGate* dibuat secara menyeluruh melalui penelitian terhadap tajuk, abstrak dan kata kunci. Secara keseluruhannya, pemerolehan artikel di pangkalan data *Google Scholar*, *MyCite* dan *ResearchGate* adalah sebanyak (n=2) artikel jurnal dan (n=6) artikel prosiding. Terdapat (n=4) artikel yang sama daripada pangkalan data tersebut dan telah disingkirkan.

Hasil saringan secara keseluruhannya mendapati terdapat (n=6) artikel yang layak untuk dinilai kualitinya. Semua penilai adalah terdiri daripada penyelidik ini sendiri kerana mempunyai kefahaman yang lebih jelas berkenaan fokus utama tinjauan bersistematik ini dan salah seorang daripadanya mempunyai kepakaran dalam pengajaran dan seliaan pelajar dalam bidang retorik. Menurut Petticrew dan Roberts (2006), dua penilai sudah memadai untuk menilai artikel berdasarkan tema yang telah ditetapkan. Hasil penilaian tersebut mendapati (n=5) artikel yang layak disintesis seperti yang dipaparkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3


Artikel yang Layak Disintesis

Penulis	Teori retorik	Platform pemerolehan data	Sumbangan kajian retorik kesihatan
Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2023)	Retorik pemujukan Aristotle (1984) <i>Ethos, pathos</i> dan <i>logos</i>	Teks kesihatan daripada dua orang pakar kesihatan di Malaysia menerusi Media sosial Facebook	Mempengaruhi emosi, persepsi dan tindakan masyarakat terhadap maklumat kesihatan yang disampaikan oleh pakar kesihatan di media sosial.
Faizul Abd Hamid et al. (2022)	Strategi retorik Idris Aman (2006)	Teks perutusan khas Pejabat Perdana Menteri	Memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap arahan pihak kerajaan dalam menangani krisis kesihatan dalam negara.
Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022)	Retorik naratif oleh Enos dan Brown (1993)	Teks perutusan khas Perdana Menteri Malaysia ke-8	Memberi kefahaman dan gambaran secara jelas kepada masyarakat tentang maklumat kesihatan khususnya berkaitan dengan COVID-19.
Wan Azura Wan Ahmad dan Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2021)	Retorik al-Quran	Akhbar tempatan, analisis dokumen, artikel jurnal dan buku-buku berkaitan	Mengawal emosi masyarakat untuk mendepani berita palsu yang cuba menakutkan dan menimbulkan keresahan mengenai ancaman COVID-19.
Nasihah Hashim et al. (2020)	Retorik Persuasif oleh Hunt (1992)	Teks khutbah jumaat	Sumbangan idea kepada khatib untuk memberi nasihat, cadangan, doa dan penghargaan kepada jemaah supaya peka dengan isu kesihatan yang diperkatakan khususnya mengenai COVID-19.

Rajah 1 menunjukkan secara ringkas proses pemilihan artikel dari awal hingga akhir menggunakan protokol *PRISMA* seperti yang telah diterangkan sebelum ini.

Rajah 1

Carta Alir *PRISMA*



HASIL KAJIAN

Hasil kajian terhadap lima artikel yang terpilih menunjukkan impak positif terhadap perkembangan kajian retorik kesihatan di Malaysia. Perkembangan kajian retorik kesihatan di Malaysia dilihat sudah lama berkembang dan semakin giat dibincangkan oleh pengkaji tempatan berikutan penularan wabak COVID-19. Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan kesemua artikel yang terpilih selepas penilaian kualiti membincangkan berkenaan ancaman kesihatan yang disebabkan oleh wabak COVID-19. Semua lima artikel terpilih dihuraikan melalui tiga tema utama iaitu kerangka teori retorik, platform pemerolehan data dan sumbangan kajian retorik kesihatan di Malaysia. Bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan, ketiga-tiga tema tersebut dihurai berdasarkan maklumat yang ditemui dalam

kajian-kajian lepas yang telah dihimpunkan secara sistematik. Huraian terhadap tema kerangka teori retorik bukan sekadar memaparkan penggunaan teori retorik yang telah dikaji, bahkan memberi cadangan penggunaan kerangka teori retorik lain yang boleh dikaji. Kepelbagaian teori yang telah diterapkan dalam kajian lepas juga menunjukkan bahawa terdapat banyak teori retorik yang boleh diaplikasikan oleh pengkaji seterusnya untuk membincangkan dapatan kajian secara meluas dan tuntas. Dari aspek sumbangan pula, kajian retorik kesihatan di Malaysia lebih tertumpu kepada isu COVID-19. Hanya kajian Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2023) yang membincangkan secara umum mengenai isu kesihatan. Walau bagaimanapun, semua kajian tersebut menyumbang ke arah agenda yang sama iaitu untuk memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat berkenaan isu kesihatan dan bertindak sewajarnya untuk menangani krisis tersebut.

KERANGKA TEORI RETORIK KESIHATAN DI MALAYSIA

Penyelidikan kajian lepas mengenai retorik kesihatan di Malaysia telah melibatkan kepelbagaian penggunaan teori. Merujuk kepada lima kajian lepas yang terpilih, kesemua teori retorik dapat dikategorikan kepada lima bahagian iaitu teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993), Retorik Persuasif oleh Hunt (1992), Retorik al-Quran dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006). Tinjauan literatur bersistematik ini mendapati bahawa setiap artikel lepas yang terpilih telah mengaplikasikan teori retorik yang berbeza. Dapatan kajian menunjukkan bahawa teori retorik *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984) telah dimanfaatkan dalam kajian Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2023) terhadap teks kesihatan yang disampaikan oleh pakar kesihatan Malaysia bagi tujuan memujuk dan mempengaruhi masyarakat atau rakyat menerusi kaedah pengaruh emosi (*pathos*), menggunakan hujah logik (*logos*) dan kredibiliti (*ethos*) yang ada pada pakar kesihatan. Menurut Nordiana Hamzah et al. (2023) *ethos* melibatkan kredibiliti yang ada pada penutur untuk mempengaruhi audiens sasaran, *pathos* pula melibatkan pengaruh emosi yang ditekankan untuk mengubah persepsi audiens dan *logos* merujuk kepada bukti atau hujah logik yang digunakan penutur untuk mengukuhkan kenyataannya.

Seterusnya teori retorik yang agak popular dalam kajian masa kini iaitu Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993). Teori ini terbentuk hasil daripada penambahbaikan Teori Retorik Klasik dan terbahagi kepada lima teknik retorik iaitu penghujahan, pemujukan, penceritaan, pemerian dan pendedahan bagi tujuan mempengaruhi fikiran dan tindakan audiens sasaran (Nur Akmal Rosli et al, 2020). Dapatan kajian mendapati bahawa hanya Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022) memanfaatkan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) sebagai kaedah untuk memberi gambaran secara jelas kepada masyarakat tentang maklumat kesihatan khususnya berkaitan dengan COVID-19. Walau bagaimanapun, kajian berkenaan hanya memfokuskan kepada teori retorik naratif atau penceritaan.

Teori retorik seterusnya adalah Retorik Persuasif oleh Hunt (1992). Persuasif merujuk kepada kaedah pemujukan yang bermatlamat untuk memastikan audiens sasaran (pembaca atau pendengar) menerima dan melakukan sesuatu perkara seperti yang dihasratkan oleh penutur atau penulis (Nasihah Hashim et al, 2020). Menurut Hunt (1992) retorik persuasif dapat dibahagikan kepada empat strategi iaitu keseimbangan, pengukuhan, seruan dan penyatuan. Dalam kajian Nasihah Hashim et al. (2020), strategi retorik persuasif seruan antara yang paling dominan digunakan untuk memberi nasihat, cadangan, doa dan penghargaan kepada jemaah supaya sentiasa peka terhadap situasi semasa serta bertindak selaras dengan maklumat tersebut.

Teori Retorik al-Quran sememangnya tidak ketinggalan dalam kajian komunikasi kesihatan di Malaysia. Retorik al-Quran merupakan salah satu alat terpenting untuk memandu suatu urusan maklumat dan biasanya digunakan untuk membimbing masyarakat ke arah komunikasi yang lebih berkesan serta bermanfaat kepada ummah (Wan Azura Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, 2021). Kajian Wan Azura Wan Ahmad dan Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2021) memaparkan bahawa retorik al-Quran juga relevan dalam bidang retorik kesihatan bagi tujuan mengawal emosi masyarakat untuk mendepani berita palsu yang cuba menakutkan dan menimbulkan keresahan mengenai ancaman COVID-19.

Teori retorik terakhir yang terlibat dalam kajian retorik kesihatan di Malaysia adalah Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006). Menurut Idris Aman (2006) Strategi Retorik ialah satu bentuk jalinan beberapa jenis teks seperti wacana, gaya atau genre bagi membentuk kesan tertentu terhadap penghasilan teks baru. Idris Aman (2006) membahagikan strategi retorik kepada lima jenis iaitu ekspositori, eksplanatori, ekspresif, argumentatif dan naratif. Dalam artikel Faizul Abd Hamid et al (2022), hanya strategi retorik naratif yang tidak digunakan mempengaruhi masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan oleh pihak kerajaan bagi menangani krisis kesihatan.

Teori retorik seperti *ethos*, *pathos* dan *logos* oleh Aristotle (1984), Teori Retorik Modern oleh Enos dan Brown (1993), Retorik Persuasif oleh Hunt (1992), Retorik al-Quran dan Strategi Retorik oleh Idris Aman (2006) mungkin telah mempelopori kajian retorik kesihatan di Malaysia pada masa kini, namun kajian retorik kesihatan di Malaysia tidak terhad kepada penggunaan teori berkenaan sahaja, barangkali ia wajar diteroka dari pelbagai sudut teori retorik seperti prinsip retorik Aristotle (1984), jenis retorik oleh Brook dan Warren (1979), kaedah retorik oleh Asmah Omar (2016), Teori Prinsip Kerjasama Grice (2001), gaya retorik oleh Cobbett dan Connors (1999), retorik visual oleh Sonja K. Foss (2004), teori retorik oleh Kenneth Burke (1950), dan seumpamanya.

PLATFORM PEMEROLEHAN DATA RETORIK KESIHATAN DI MALAYSIA

Menurut Julaina Nopiah dan Nurfatihah Izzati Samarrudin (2024), kajian bahasa retorik kini berada dalam skop yang lebih luas ekoran ruang komunikasi tanpa had yang terbina hasil daripada perkembangan teknologi media massa. Perkembangan dan kepelbagaian medium komunikasi di internet telah merancakkan lagi kajian retorik kesihatan terhadap kepelbagaian sumber data. Dapatan kajian mendapati bahawa sumber data dalam kesemua artikel terpilih adalah berlandaskan kepada sumber data digital. Hasil tinjauan ini diharap dapat membantu pengkaji seterusnya untuk memilih kepelbagaian sumber data yang relevan untuk diteroka.

Dapatan kajian mendapati bahawa semua artikel terpilih telah menggunakan sumber data digital. Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2023) memperoleh sumber data daripada media sosial Facebook. Wan Azura Wan Ahmad dan Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2021) memperoleh sumber data digital seperti Berita Harian dan *WhatsApp*. Su-Hie Ting et al. (2020) pula memperoleh sumber data teks untuk pengkajiannya daripada risalah *Ministry of Health (MOH) Malaysia*, *National Cancer Council* (Majlis Kanser Nasional, MAKNA) dan *Cancer Institute Malaysia (CIM)*. Selain itu, Nasihah Hashim et al. (2020) memperoleh sumber data menerusi laman web Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Jika diteliti secara ringkas, kajian retorik kesihatan lebih tertumpu kepada sumber data yang dihasilkan oleh pihak berautoriti.

Laman portal rasmi Jabatan Perdana Menteri Malaysia dilihat sebagai platform yang paling dominan dipilih sebagai sumber data untuk kajian retorik kesihatan di Malaysia. Kajian Wan Azura Wan Ahmad dan Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2021) dan Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022) telah menggunakan sumber data daripada laman portal rasmi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Walau bagaimanapun, dominasi berkenaan tidak menjamin sepenuhnya laman berkenaan sebagai platform terbaik sebagai sumber perolehan data. Ia bergantung kepada situasi semasa, keperluan dan objektif kajian. Berkemungkinan penumpuan terhadap sumber data menerusi laman portal rasmi Jabatan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu adalah berkait rapat dengan situasi atau isu semasa seperti ancaman COVID-19. Oleh itu, pemilihan platform yang relevan dengan keperluan kajian amat penting untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai.

SUMBANGAN KAJIAN RETORIK KESIHATAN DI MALAYSIA

Kajian bahasa retorik memberi sumbangan terhadap perbincangan mengenai kaedah penggunaan bahasa secara berkesan bagi tujuan mempengaruhi masyarakat atau audiens sasaran terhadap maklumat yang disampaikan (Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus, 2024). Dalam pada itu, penerimaan dan kebergantungan masyarakat masa kini terhadap maklumat yang bersumberkan daripada platform digital (Silvia Fardila Soliha, 2015) membentuk satu kewajaran untuk diteliti secara lebih mendalam berkenaan sumbangan kajian retorik khususnya berkaitan dengan bidang kesihatan.

Kajian retorik kesihatan terkini di Malaysia secara ringkasnya dapat dilihat lebih menyumbang kepada penyelesaian isu kesihatan COVID-19. Kajian lepas yang dijalankan oleh Faizul Abd Hamid et al. (2022), Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2022), Wan Azura Wan Ahmad dan Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin (2021), Nasihah Hashim et al. (2020) telah memberi sumbangan besar dalam memperkatakan mengenai ancaman COVID-19 di Malaysia. Keempat-empat kajian tersebut secara ringkasnya mempunyai agenda atau matlamat yang selari iaitu memberi sumbangan dari segi idea penyampaian teks kesihatan yang lebih berkualiti dan berkesan kepada pihak berwajib seperti pemerintah, pemimpin atau pihak berwajib untuk mempengaruhi emosi, persepsi dan tindakan masyarakat supaya bertindak seperti yang dihasratkan. Hanya kajian Hariri Ali Imran dan Nasihah Hashim (2023) yang membincangkan isu kesihatan secara umum, namun matlamatnya tetap sama seperti keempat-empat kajian tersebut. Kesimpulannya, semua kajian tersebut telah memberi nilai tambah dalam menyumbang kepada perkembangan bidang kajian bahasa retorik di Malaysia khususnya dalam bidang kesihatan. Selain itu, kajian berkenaan juga secara tidak langsung telah menunjukkan bahawa kajian bahasa retorik bukan sekadar relevan untuk dibincangkan dalam bidang politik dan pengiklanan, malah turut relevan dalam bidang kesihatan.

PERBINCANGAN

Perkembangan kajian retorik kesihatan di Malaysia secara dasarnya dapat dilihat menerusi sudut perbincangan yang telah diutarakan. Walau bagaimanapun, kajian retorik kesihatan di Malaysia khususnya dalam bahasa Melayu masih kurang diteroka dan memerlukan lebih banyak penambahan kajian oleh pengkaji seterusnya. Hal ini dapat ditonjolkan berdasarkan jumlah kajian retorik kesihatan yang terpilih untuk ditinjau dengan lebih mendalam dalam kajian ini. Namun, kajian-kajian tersebut paling tidak sudah mampu memberi nilai tambah terhadap pengkajian sedia ada dan akan turut menambah bilangan kajian dan dapatan bagi kajian tersebut. Kajian retorik kesihatan di Malaysia

diharap sentiasa berkembang khususnya melibatkan penggunaan bahasa Melayu seiring dengan perkembangan isu kesihatan yang sering giat diperkatakan.

Perbincangan terhadap kajian retorik kesihatan di Malaysia menunjukkan bahawa penggunaan teori dan pemilihan platform data saling berkait rapat dalam membentuk arah serta kedalaman analisis kajian. Dari segi teori, dapatan menunjukkan kecenderungan yang jelas terhadap penggunaan teori retorik klasik seperti *ethos*, *pathos* dan *logos*, yang turut diakui sebagai kerangka yang paling dominan dalam kajian komunikasi kesihatan luar negara (Miłosz, 2025). Walau bagaimanapun, kajian luar negara memperlihatkan perkembangan yang lebih luas dengan penerapan teori kontemporari seperti *inoculation theory* (Compton et al., 2016), *psychological reactance theory* (Reynolds-Tylus, 2019) dan *argumentation theory* (Rubinelli & Diviani, 2025), yang membolehkan analisis yang lebih mendalam terhadap isu seperti penolakan mesej dan penyebaran maklumat kesihatan yang tidak tepat atau palsu.

Dari sudut platform pemerolehan data, kajian retorik kesihatan di Malaysia didapati lebih tertumpu kepada sumber pihak berautoriti seperti teks rasmi kerajaan, media arus perdana dan sebahagian media sosial terpilih. Keadaan ini berbeza dengan trend global yang menunjukkan penggunaan pelbagai platform digital seperti *Twitter*, *TikTok*, *Instagram* dan forum dalam talian sebagai sumber utama kajian komunikasi kesihatan (Guidry, 2022; Britt et al., 2023). Platform media sosial ini membolehkan analisis dilakukan secara masa nyata terhadap persepsi dan tingkah laku masyarakat, di samping menyediakan data berskala besar yang sesuai untuk pendekatan analisis campuran termasuk kaedah komputasional (Fontaine et al., 2019; Ho et al., 2021).

Perbezaan dari segi penggunaan teori dan sumber platform pemerolehan data dalam konteks Malaysia berkemungkinan dipengaruhi oleh sifat kajian tempatan yang masih berada pada tahap penerokaan serta kecenderungan untuk menggunakan sumber data yang sahih dan terkawal. Hal ini kerana, penggunaan teks rasmi dan sumber berautoriti dilihat lebih selamat dan mudah diakses berbanding data media sosial yang bersifat dinamik dan tidak stabil. Selain itu, penggunaan teori klasik juga lebih dominan kerana kerangka tersebut lebih mudah diaplikasikan dalam analisis teks berstruktur seperti ucapan rasmi dan dokumen dasar kesihatan. Situasi ini menunjukkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia lebih cenderung kepada komunikasi satu hala yang bersifat keinstitusian, sekali gus menghadkan pemahaman terhadap kepelbagaian komunikasi kesihatan yang lebih luas dalam persekitaran digital. Sebaliknya, kajian luar negara menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai platform seperti media sosial dan data pengguna membolehkan analisis yang lebih holistik terhadap interaksi antara mesej kesihatan dan khalayak sasaran, termasuk peranan pempengaruh (*social media influencers*) dalam membentuk persepsi dan tingkah laku kesihatan (Gupta et al., 2022). Tambahan pula, penggunaan pelbagai sumber data seperti media visual, kempen kesihatan dan data tinjauan membolehkan pengkaji meneliti elemen retorik secara lebih pelbagai, termasuk aspek emosi, naratif dan pembentukan mesej (Sarge & Knobloch-Westerwick, 2017; Skubisz et al., 2016).

Dari sudut sumbangan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia memainkan peranan penting dalam memperkukuh kefahaman terhadap penggunaan bahasa sebagai medium pemujukan yang berkesan dalam menyampaikan maklumat kesihatan kepada masyarakat. Hal ini menunjukkan bahawa bahasa retorik berupaya mempengaruhi persepsi dan tindakan audiens terhadap sesuatu mesej yang disampaikan (Muhammad Faris Akram Rustu dan Azean Idruwani Idrus, 2024), khususnya dalam konteks masyarakat yang semakin bergantung kepada sumber maklumat digital (Silvia Fardila Soliha, 2015). Dalam konteks tempatan, kebanyakan kajian lepas didapati memberi sumbangan yang signifikan dalam menangani isu kesihatan semasa, terutamanya berkaitan dengan pandemik COVID-19, melalui penghasilan analisis terhadap teks kesihatan yang bertujuan

mempengaruhi emosi, persepsi dan tingkah laku masyarakat (Faizul Abd Hamid et al., 2022; Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim, 2022; Wan Azura Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin, 2021; Nasihah Hashim et al., 2020). Walaupun tumpuan kajian masih bersifat spesifik kepada isu tertentu dan perlu diperluaskan kepada pelbagai isu kesihatan lain bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat serta membentuk kesedaran masyarakat secara lebih pelbagai dan menyeluruh. Umpamanya dengan memfokuskan kepada pelbagai isu kesihatan yang amat membimbangkan pada kini seperti isu penyakit jantung, mental dan sebagainya. Menurut statistik perangkaan sebab kematian di Malaysia tahun 2024, penyakit jantung mendominasi carta kedua tertinggi iaitu sebanyak 15.2% (Astro Awani, 2024). Oleh itu, wajar isu kesihatan berkenaan dibincangkan dari sudut bahasa retorik untuk dilihat dengan lebih meluas fungsi bahasa dalam mendepani pelbagai krisis kesihatan khususnya di Malaysia.

Sehubungan itu, kajian retorik kesihatan di Malaysia disarankan untuk memperluaskan penggunaan kerangka teori dan platform data secara lebih seimbang. Penerapan teori klasik dengan pendekatan kontemporari seperti *inoculation theory* dan *argumentation theory* berpotensi meningkatkan ketelitian analisis, manakala penerokaan terhadap platform digital seperti media sosial, forum dalam talian dan kandungan multimedia dapat memperkayakan sumber data kajian. Selain itu, penggunaan pendekatan campuran yang menggabungkan analisis kualitatif dan kuantitatif juga wajar dipertimbangkan bagi membolehkan analisis data berskala besar secara lebih sistematik (Ho et al., 2021). Pendekatan ini bukan sahaja dapat memperluas skop kajian, malah mampu meningkatkan kerelevanan dapatan dalam memahami komunikasi kesihatan dalam konteks masyarakat masa kini.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kajian retorik kesihatan di Malaysia telah memanfaatkan teori dan sumber data yang relevan, namun masih terdapat ruang yang luas untuk memperkaya pendekatan kajian agar selari dengan perkembangan global yang lebih dinamik dan multidisiplin. Tinjauan ini juga diharap mampu membuktikan bahawa kajian bahasa retorik tidak hanya popular dalam bidang politik, pengiklanan dan seumpamanya, malah turut relevan dalam bidang kesihatan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur bersistematik ini meneliti kajian-kajian lepas berkaitan strategi retorik dalam penyampaian maklumat kesihatan di Malaysia. Berpanduan protokol PRISMA, kajian ini berjaya mengenal pasti kerangka teori, sumber pemerolehan data serta sumbangan kajian retorik kesihatan dalam konteks tempatan. Dapatan menunjukkan bahawa teori retorik klasik seperti *ethos*, *pathos* dan *logos* masih mendominasi, di samping penggunaan teori lain seperti Teori Retorik Moden, Retorik Persuasif, Retorik al-Quran dan Strategi Retorik. Selain itu, sumber data kajian didapati tertumpu kepada platform digital berautoriti seperti laman rasmi kerajaan, diikuti oleh media sosial dan sumber digital lain. Tinjauan ini turut memperlihatkan bahawa kajian retorik kesihatan di Malaysia masih cenderung kepada isu tertentu seperti COVID-19, namun berpotensi untuk diperluaskan kepada pelbagai isu kesihatan lain yang lebih semasa dan kritikal. Secara tidak langsung, kajian ini membuktikan bahawa retorik bukan sahaja relevan dalam bidang politik dan pengiklanan, malah turut memainkan peranan penting dalam bidang kesihatan sebagai medium untuk mempengaruhi kefahaman dan tindakan masyarakat. Oleh itu, kajian ini diharap dapat menjadi rujukan kepada penyelidik akan datang untuk memperluaskan skop kajian retorik kesihatan dengan pendekatan yang lebih pelbagai, sistematik dan signifikan.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia atas sokongan bagi penulisan ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan khusus daripada mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh ketiga-tiga penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Pengkaji membuat pengakuan bahawa tiada pertindihan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Adina Abdullah, Liew Su May, Hani Syahida Salim, Ng Chirk Jenn & Karuthan Chinna. (2020). Health literacy research in Malaysia: A scoping review. *Sains Malaysiana*, 49 (5). 1021–1036. <http://dx.doi.org/10.17576/jsm-2020-4905-07>
- Alia Izzati Sham Shul Shukri & Nor Ashikin Ab Manan. (2023). Rhetorical appeals used by the new generation of Malaysian politicians in their social media communication. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(6), 818–831. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i6/17527>
- Amida Abdulhamid. (2015). *Retorik: Yang indah itu bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andy Makhrian Madya, Che Hasniza Che Noh & Nurul Hidayah Mat. (2024). Ustad Hilman Fauzi da'wah rhetoric on @Ahilmanfauzi Youtube channel. *Library Progress International*, 44(3), 17735–17739. <https://doi.org/10.48165/bapas.2024.44.2.1>
- Aristotle. (1984). *The rhetoric and the poetics of Aristotle*. W. Rhys Roberts (Penterj.). Modern Library.
- Asim Ayed Alkhawaldeh. (2021). Persuasive strategies of Jordanian government in fighting Covid-19. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(1), 274–293. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2101-16>
- Asmah Haji Omar. (2016). *Bahasa iklan perniagaan: Satu kajian bahasa retorik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Astro Awani. (2024). *Perangkaan sebab kematian di Malaysia 2024*. <https://www.astroawani.com/videos/awani-745-x7kldw/infografik-perangkaan-sebab-kematian-di-malaysia-2024-x9886wg>
- Azlinaz Kamaruddin. (2021). *Rhetorical persuasion by adapting logos in public speaking*. European Proceedings of Social and Behavioural Sciences. 194–201. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2021.06.02.26>
- Britt, R. K., Franco, C. L., & Jones, N. (2023). Trends and challenges within Reddit and health communication research: A systematic review. *Communication and the Public*, 8(4), 402–417. <https://doi.org/10.1177/20570473231209075>
- Brooks, C., & Warren, R. P. (1979). *Rhetoric modern (4th ed.)*. Harcourt Brace Jovanovich, Publishers.
- Burke, K. (1950). *A rhetoric of motives*. Prentice Hall.
- Compton, J., Jackson, B., & Dimmock, J. A. (2016). Persuading others to avoid persuasion: Inoculation theory and resistant health attitudes. *Frontiers in Psychology*, 7, 122. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2016.01222>
- Corbett, E. P. J., & Connors, R. J. (1999). *A survey of rhetoric: Classical rhetoric for the modern student (4th ed.)*. Oxford University Press.
- Dewi Samri & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi Covid-19 di negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95–117. <https://doi.org/10.1108/SEAMJ-02-2021-B1007>
- Dimas Ahmad Rifandi & Irwansyah Irwansyah. (2021). Retorika juru bicara satgas Covid-19 di platform YouTube. *Jurnal Teknologi dan Sistem Informasi Bisnis*, 3(1), 64–77. <https://doi.org/10.47233/jteksis.v3i1.185>
- Durach, C. F., Kembro, J., & Wieland, A. (2017). A new paradigm for systematic literature reviews in supply chain management. *Journal of Supply Chain Management*, 53(4), 67–85. <https://doi.org/10.1111/jscm.12145>
- Enos, T., & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. SAGE Publications.
- Faizul Abd Hamid, Azidan Abdul Jabar, Rozita Che Rodi & Adlina Ab. Halim. (2022). Strategi retorik dalam teks keputusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak Covid-19 di Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 26 (2), 038–051. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/251>
- Fontaine, G., Maheu-Cadotte, M. A., Lavallée, A., Mailhot, T., Rouleau, G., Bouix-Picasso, J., & Bourbonnais, A. (2019). Communicating science in the digital and social media ecosystem: scoping review and typology of strategies used by health scientists. *JMIR public health and surveillance*, 5(3), e14447. <https://doi.org/10.2196/14447>
- Foss, S. K. (2004). *Rhetorical criticism: Exploration and practice*. Waveland Press.
- Guidry, J. P. D. (2022). Social media: Other platforms (TikTok, etc.). *The International Encyclopedia of Health Communication*. 1-4. <https://doi.org/10.1002/9781119678816.iehc0742>
- Gupta, S., Dash, S. B., & Mahajan, R. (2022). The role of social influencers for effective public health communication. *Online information review*, 46(5), 974-992. <https://doi.org/10.1108/OIR-01-2021-0012>
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. Dlm. P. Cole & A. J. Morgan (Eds.). *Syntax and semantics, Vol. 3 Speech Acts*. Academic Press.
- Haddaway, N. R., Page, M. J., Pritchard, C. C. & McGuinness, L. A. (2022). PRISMA2020: An R package and Shiny app for producing PRISMA 2020-compliant flow diagrams, with interactivity for optimised digital transparency and Open Synthesis. *Campbell Systematic Reviews*, 18(2). <https://doi.org/10.1002/cl2.1230>

- Hairul Azhar Mohamad. (2022). Analysis of rhetorical appeals to logos, ethos and pathos in ENL and ESL research abstracts. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1–19. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1314>
- Hairul Azhar Mohamad, Zahariah Pilus, Luthfi Mohaini, Rasyiqah Batrisya Md Zolkapli & Nadiah Hanim Abdul Wahab. (2022). Rhetorical strategies for appeal to logos in research abstracts: An analysis of rhetoric. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 6(3), 1–15. <https://doi.org/10.33306/mjssh/200>
- Hairul Azhar Mohamad, Rasyiqah Batrisya Md Zolkapli, Pavithran Ravinthra Nath, Nadiah Hanim Abdul Wahab, Muhammad Luthfi Mohaini, & Muhammad Haziq Abd Rashid. (2023). Rhetorical analysis of Aristotelian appeal of ethos in academic research compositions. *Jurnal Linguistik*, 27(2), 30–42. <https://plm.org.my/wp-content/uploads/2023/12/3.-Rhetorical-Analysis-of-Aristotelian-Appeal-of-Ethos-in-Academic-Research-Compositions.pdf>
- Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim. (2023). *Retorik wacana kesihatan di media sosial*. Prosiding Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (RENTAS), 1(1), 58–63.
- Hariri Ali Imran & Nasihah Hashim. (2022). Retorik naratif dalam teks ucapan perdana menteri semasa era pandemik. *Prosiding Bahteradaya, Naradata Bahasa, Sastra dan Budaya II*, 1(1), 209–213.
- Hariyani Madon, Intan Liyana Mohd Fadzil & Noor Hanim Rahmati. (2021). A rhetorical analysis of news article on work from home. *European Journal of Applied Linguistics Studies*, 3(2), 22–35. <http://dx.doi.org/10.46827/ejals.v3i2.239>
- Hayrol Azril Mohamed Shaffril, Samsul Farid Samsuddin & Asnarulkhadi Abu Samah. (2020). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners. *Quality & Quantity: International Journal of Methodology*, 55(4), 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Higgins, J. P. T., Altman, D. G., Gøtzsche, P. C., Jüni, P., Moher, D., Oxman, A. D., Savovic, J., Schulz, K. F., Weeks, L. & Sterne, J. A. C. (2011). The cochrane collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (Online)*. 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>
- Ho, P., Chen, K., Shao, A., Bao, L., Ai, A., Tarfa, A., Brossard, D., Brown, L., & Brauer, M. (2021). A mixed methods study of public perception of social distancing: Integrating qualitative and computational analyses for text data. *Journal of Mixed Methods Research*, 15(3), 374–397. <https://doi.org/10.1177/15586898211020862>
- Hunt, G. T.(1992). *Perucapan umum. Asiah Sarji dan Mohd Nordin (Penterj.)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan kepimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iqbal Hamdan & Md. Nor Abdullah. (2023). Elemen retorik karya A. Samad Said dalam buku Puisi Baru Melayu. *International Journal of West Asian Studies*, 15(1), 72-85.
- Iqbal, Z., Aslam, M. Z., Aslam, T., Ashraf, R., Kashif, M., & Nasir, H. (2020). Persuasive power concerning Covid-19 employed by Premier Imran Khan: A socio-political discourse analysis. *Register Journal*, 13(1), 208–230. <https://doi.org/10.18326/rgt.v13i1.208-230>
- Iryna Alyeksyeyeva, Olena Kaptiurova & Vira Orlova. (2021). World war flu: War Rhetoric of the Australian prime minister on Coronavirus. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 27(1), 90–101. <http://doi.org/10.17576/3L-2021-2701-07>
- Isai Amutan Krishnan, Kausalya Muthutamilselvan, Mohammad Nor Afandi Ibrahim, Geraldine De Mello, Selvajothi Ramalingam, Elantamil Maruthai & Nalini Arumugam. (2021). The application of Aristotle's rhetorical theory to evaluate fresh graduates' job interview performance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1009–1028. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i8/10793>

- Jamaluddin Aziz & Fuzirah Hashim. (2021). Rhetoric of food authenticity and national identity in the new media. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 21(2), 253-272. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-14>
- Julaina Nopiah & Nurfatihah Izzati Samarrudin (2024). Penggunaan gaya bahasa retorik dalam pelaporan berita politik di berita televisyen. *PENDETA*, 15(2), 37–51. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.3.2024>
- Lockwood, C., Munn, Z. & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *Int. J. Evid. Based Healthc.*, 13(3), 179–187. <https://doi.org/10.1097/XEB.0000000000000062>
- Manimaran Krishnan & Samsudin A Rahim. (2014). Hubungkait komunikasi kesihatan dengan kesan hirarki isu kesihatan terhadap perubahan amalan gaya hidup sihat. *Jurnal Komunikasi*, 30(1), 147–176. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3101-16>
- Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2016). Retorik pembangunan sosioekonomi masyarakat dalam laporan media. *Jurnal Linguistik*. 20, 10–25. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/4>
- Miłosz, M. (2025). From knowledge to action: An analysis of the rhetorical strategy of the Stop Strokes campaign. *Res Rhetorica*. 12(3), 261–278. <https://doi.org/10.29107/rr2025.3.14>
- Mohamad Hafifi Jamri, Nurzali Ismail, Jamilah Ahmad & Darshan Singh. (2017). Kempen kesedaran kesihatan awam: Satu tinjauan literatur dari sudut penggunaan media dan komunikasi di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 33(3). 1–20. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3303-01>
- Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2022). Dasar bahasa dari fungsi ke etos nasional: Konsensus pakar linguistik bahasa Melayu. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 5(I), 27–39.
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan & Nor Hafizah Abdullah. (2022). Value-Based dimensions of national ethos among Malaysian university students. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(10), 2503–2517. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i10/15532>
- Mohd Mahadee Ismail, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Hairol Anuar Mak Din, Marzudi Md Yunus & Mansor Mohd Noor. (2021). Dimensions of national ethos among educated youths in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(3), 1783–1808. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.3.17>
- Muhammad Faris Akram Rustu & Azean Idruwani Idrus. (2024). Penggunaan retorik dalam lirik lagu Teman Pengganti karya Malique. *Jurnal Kesidang*, 9(1), 64-74. <https://ejournal.unimel.edu.my/index.php/JK/article/view/1764>
- Muhammad Zulhilmi Mohd Nasaruddin, Ameiruel Azwan Ab Aziz & Ariff Imran Anuar Yatim. (2023). Narrative persuasion and consumer engagement by Malaysian social media influencers. *European Proceedings of Educational Sciences*, 556–568. <https://doi.org/10.15405/epes.23097.50>
- Nasihah Hashim, Ainal Akmal Ahmad, Maizatul Azura Yahya & Arina Johari. (2020). Retorik persuasif dalam khutbah Covid-19. *E-Prosiding Naradata 2020*, 3, 67–73.
- Nordiana Hamzah, Noor Alhusna Madzlan, Hasrina Baharum & Muhamad Fadzliah Zaini. (2023). Analisis ethos, pathos dan logos dalam komunikasi kepemimpinan Nama Beta Sultan Alauddin Karya Faisal Tehrani. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 473–489. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-27>
- Nor Fazzira Mohd Zamri & Zainatul Shuhaida Abdul Rahman. (2022). Retorik penceritaan dalam karya Zurinah Hassan melalui buku Kumpulan Puisi Cerita Dalam Cerita (2014). *ARTe: Art & Expression*, 3(2), 53-57. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82375/1/82375.pdf>

- Nur Akmal Rosli, Rohaidah Kamaruddin, Rozita Che Rodi, Veeramohan Veeraputhran & Sharil Nizam Sha'ri. (2020). Persuasive rhetorical in Hikayat Merong Mahawangsa. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(9), 3140–3152.
- Nuramirah Zaini, Ameiruel Azwan Ab Aziz, Nor Atifah Mohamad, Nazarul Azali Razali, Amirah Mohd Juned & Sheik Badrul Hisham Jamil Azhar. (2022). Rhetorical appeals in professional communication presentation: An ODL setting. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 1541–1549. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i11/15674>
- Nurul Nadiyah Zamri & Zulkefli Aini. (2021). Retorik dalam dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 149–158. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/63>
- Onn Akbar Ali. (2024). *Tiga cara detox badan*. <https://www.tiktok.com/@dronnakbarali/video/7356068258325286152>
- Osman Khairunnisa, Jano Zanariah & Ahmad Rabiah. (2024). A model of cyber extremists' rhetorical sructure towards protecting critical infrastructure. *Journal of Computer Science*, 20(6), 610–627. <https://doi.org/10.3844/jcssp.2024.610.627>
- Othman Lebar. (2021). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan Metode* (Edisi Kedua). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic reviews in the social sciences: A practical guide*. Blackwell Publishing.
- Petronella Langita Felix & Su-Hie Ting. (2023). Semiotic analysis of persuasion elements in lung cancer and colorectal cancer posters. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 5(4), 384–398. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajress>
- Renita Nabila Putri, Deddy Muharman & Fath Mashuri. (2024). Persuasive through ethos, logos, and pathos in BTS' speech at the White House. *Ilomata International Journal of Management*, 5(2), 669–678. <https://doi.org/10.61194/ijjm.v5i2.1015>
- Reynolds-Tylus, T. (2019). Psychological reactance and persuasive health communication: A review of the literature. *Frontiers in Communication*, 4, 56. <https://doi.org/10.3389/fcomm.2019.00056>
- Rotjaret Narongrach & Amalia Nurul Muthmainnah. (2024). Weapon of the masses: the role of satellite TV and its trajectory in Thailand's political crisis during 2006 and 2014. *Cogent Arts & Humanities*, 11(1), 2395702. <https://doi.org/10.1080/23311983.2024.2395702>
- Rubinelli, S., & Diviani, N. (2025). An argumentation theory-based assessment tool for evaluating disinformation in health-related claims. *Patient Education and Counseling*, 133, 108622. <https://doi.org/10.1016/j.pec.2024.108622>
- Rusydiah Abd Salam & Maslida Yusof. (2023). Sorotan literatur bersistematis kajian binaan kompleks bahasa Melayu dari sudut sintaksis. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 23(2), 94–118. <http://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-06>
- Sarge, M. A., & Knobloch-Westerwick, S. (2017). Mechanisms of influence for weight loss in popular women's health media: A content analysis of health and fitness magazines. *Journal of Communication in Healthcare*, 10(4), 260-272. <https://doi.org/10.1080/17538068.2017.1327128>
- Shahrill Ramli @ Romli, Abdul Muati @ Zamri Ahmad, Moniza Waheed & Hamisah Hasan. (2022). The Aristotelian ethos of Muhyiddin Yassin's Prihatin (Care) Economic Stimulus Package speech. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 14(1), 49–62. <https://fslmjournals.taylors.edu.my/wp-content/uploads/SEARCH/SEARCH-2022-14-1/SEARCH-2022-P4-14-1.pdf>
- Sharifah Syazwa Amierah Syed Khalid, Amir Lukman Abd Rahman, Amirah Athirah Amir Yazid & Nur Diana Nabila Mohammad Omar. (2022). Rhetorical elements used for marketing post on

- Instagram by Malaysian local cosmetic product: A study of multimodal discourse Analysis. *Insight Journal*, 9(1), 31–45. <https://doi.org/10.24191/insightjournal.v0i1.17353>
- Silvia Fardila Soliha. (2015). Tingkat ketergantungan pengguna media sosial dan kecemasan sosial. *Interaksi: Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(1), 1–10. <https://doi.org/10.14710/interaksi.4.1.1-10>
- Siti Zubaidah Raja Mhd Shahnuddin & Ahmad Wafi Yunus. (2023). Penulisan lirik lagu Malique: Satu analisis retorik moden. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 5(1), 15-25. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v5i1.135>
- Skubisz, C., Miller, A., Hinsberg, L., Kaur, S., & Miller, G. A. (2016). Tips from former smokers: a content analysis of persuasive message features. *International Quarterly of Community Health Education*, 37(1), 13-20. <https://doi.org/10.1177/0272684X16685253>
- Syaza Fuhat & Juliana Abdul Wahab. (2024). Rhetoric on trial: An Aristotelian insight into Najib Razak's corruption case. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 24(3), 73–92. <http://doi.org/10.17576/gema-2024-2403-05>
- Wan Azura Wan Ahmad & Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin. (2021). *Kesopanan komunikasi dalam menangani berita palsu pandemik Covid-19; Perspektif retorik al-quran dan psikologi*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains, 560. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/7f485486-794b-427b-8a73-85b74ffcc9e9>
- Wan Hurani Osman, Mohammad Aqmal Hafidz Musa, Sabariah Abd. Rahim & Bernadette Tobi (2021). Aristotle's triad of persuasiveness in English language writers' written text. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 14–22. <https://doi.org/10.35631/IEPC.641002>
- Waemasna Waeyusoh & Hariri Ali Imran. (2025). Gaya bahasa dalam ceramah Tuan Guru Ismail: Satu pendekatan retorik. *Prosiding Antarabangsa Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu (RENTAS)*, 532–536.
- Zamimah Osman & Nuraini Yusoff. (2020). Pola dan potensi penerbitan berbahasa Melayu dalam indeks scopus. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 85–96. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.2.7.2020>
- Zhang, Hong. (2021). A rhetorical approach to critical reading of literary texts. *International Journal of English Linguistics*, 11(3), 39. <https://doi.org/10.5539/ijel.v11n3p39>
- Zulaikha Khairuddin, Noor Hanim Rahmat, Maizura Mohd Noor & Zurina Khairuddin. (2021). The use of rhetorical strategies in argumentative essays. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29 (S3), 263–285. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.S3.14>
- Zulfadzlee Zulkiflee. (2022). Ragam bahasa komen Instagram berkaitan berita palsu situasi gelombang kedua pandemik Covid-19, *PENDETA*, 13(1), 22–32. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.3.2022>